

Penutup

5.1 Matlamat penghijrahan.

Pengkaji mendapati bahawa matlamat utama responden berhijrah ialah atas desakan ekonomi iaitu untuk mencari pendapatan yang lebih tinggi. Jika kita meneliti semula Jadual 2.6 (Pengalaman kerja yang lampau di Indonesia) kita dapati bahawa pendapatan yang mereka terima hasil dari menjadi pembantu rumah di Indonesia ialah di antara 2,000 hingga 100,000 Rupiah sebulan (\$2.60 - \$130). Pendapatan yang mereka terima kini, jauh lebih tinggi iaitu di antara \$100-\$300 (pembantu rumah separuh masa) dan antara \$200-\$350 (pembantu rumah sepenuh masa). Hanya tiga orang sahaja yang menerima pendapatan yang kurang daripada \$130.

Dengan wang itu juga mereka mampu menyara keluarga di Indonesia dengan mengirim wang mengikut jumlah yang tertentu. Hampir kesemua responden melainkan seorang sahaja, berpuas hati dengan pendapatan yang diterima. Beliau yang tidak berpuas hati ini menyatakan pendapatannya sedikit berbanding dengan beban kerja yang diberi. Begitu juga dengan layanan majikannya yang dikatakan cerewet dan tidak bertimbang rasa.

Terdapat responden yang sanggup berpisah dengan suami

dan anak-anak semata-mata untuk berhijrah ke Malaysia. Seorang responden menyatakan perasaan rindunya kepada anak-anak di kampung, namun beliau harus bekerja untuk menyara hidup anak-anaknya. Menurutnyanya, beliau boleh pulang ke kampung sekali-sekala untuk bertemu anaknya apabila wang telah cukup untuk membayar kos perjalanannya. Hanya seramai 6 orang pembantu rumah yang pernah pulang ke kampung apabila Hari Raya. Beberapa orang responden tidak dapat pulang kerana tidak mampu menyediakan tambang ulang-alik yang tinggi. Tambahan pula mereka telah lama berada di negara ini.

Jelas kerana ingin mencari rezeki, mereka sanggup meninggalkan kampung halaman dan keluarga kerana ingin membina kehidupan lebih baik. Oleh itu boleh dikatakan matlamat mereka tercapai walaupun tidak sepenuhnya kerana masih terdapat responden yang kurang berpuas hati dengan pekerjaannya. Walau bagaimanapun, matlamat untuk mendapatkan pendapatan yang lebih tinggi telah diperolehi.

5.1.1 Rancangan masa depan.

14 responden menyatakan mereka ingin terus menetap di Malaysia. Rancangan ini didorong oleh perasaan bahawa kehidupan di sini lebih senang kerana pendapatan yang diperolehi lebih banyak daripada di negara asal. Hasil dari

pendapatan mereka digunakan untuk membantu keluarga di kampung, demikian yang dinyatakan oleh 11 orang responden. Seorang responden menegaskan beliau mempunyai ramai kawan di negara ini, oleh itu tidak sukar baginya untuk menyesuaikan diri.

Asimilasi melalui perkahwinan turut berlaku, misalnya terdapat anak-anak kepada dua orang responden yang merupakan warga negara Malaysia dan telahpun bersekolah di sini. Salah seorang daripada responden tersebut telah berkahwin dengan pemuda Malaysia. Atas dasar itulah mereka ingin terus menetap di Malaysia.

18 responden ingin pulang ke kampung asal mereka kerana kaum keluarga iaitu suami, ibu bapa dan anak-anak mereka berada di sana. Seorang responden berkata, apabila beliau telah mempunyai wang yang mencukupi untuk pulang, beliau akan balik ke Indonesia dan membantu ibunya di kampung yang bekerja sebagai petani.

18 responden lagi tidak dapat memastikan sama ada mereka ingin pulang atau menetap di sini. Menurut 12 orang responden, walaupun pendapatan yang diterima adalah lumayan tetapi mereka tetap memikirkan keluarga di kampung. Seorang responden berkata, jika beliau telah mendapat kad pengenalan, kemungkinan besar beliau lambat pulang ke kampungnya dan di sebaliknya. Seorang responden pula baru

tiba di Malaysia, maka beliau tidak dapat meramalkan sama ada mahu terus menetap atau pulang ke Indonesia. Terdapat pula responden yang ingin menetap di sini tetapi suaminya kurang setuju kerana keluarga mereka berada di kampung.

Manakala seorang responden pula berkata, hal ini bergantung kepada kerajaan Malaysia. Jika mereka memerlukan khidmat pekerja asing, beliau akan terus berada di sini, jika tidak beliau akan pulang semula ke Indonesia. Keluarga dan anak-anak yang berada di Malaysia menyebabkan 2 orang responden tidak dapat memastikan sama ada mahu terus menetap atau pulang.

80% responden bercita-cita untuk pulang ke kampung biarpun seketika. 4% daripadanya ingin pulang pada tahun hadapan (1992) dan 4% lagi ingin pulang pada tahun 1993. Selebihnya mengatakan akan pulang apabila perlu berbuat demikian misalnya pada Hari Raya dan apabila wang telah mencukupi untuk menampung kos perjalanan.

4% dari responden tidak mahu pulang dan ingin terus menetap di Malaysia kerana keluarga mereka telah menjadi warga negara Malaysia. 16% lagi tidak pasti sama ada ingin pulang atau tidak kerana bergantung kepada keadaan dan kewangan.

Rancangan responden ini sebenarnya didorong oleh pendapat mereka tentang beberapa perbezaan dan persamaan

antara kedua-dua negara. 54% responden berpendapat ada perbezaan dalam cara hidup di antara Malaysia dengan Indonesia. Manakala 22% pula menyatakan tiada perbezaan. Sejumlah 20% responden menyatakan terdapat beberapa persamaan dan perbezaan dalam beberapa aspek sedangkan 4% lagi tidak memberi sebarang jawapan.

Persamaan yang didapati oleh responden ialah dari segi agama, budaya, ekonomi dan pergaulan. Agama Islam yang dianuti oleh kesemua responden merupakan agama yang dianuti oleh sebilangan besar rakyat Malaysia. Seperti budaya orang Melayu, semangat kerjasama amat jelas diamalkan oleh mereka seperti dalam sesuatu upacara perkahwinan atau kenduri-kendara. Lelaki dan wanita pula kini turut sama berganding bahu dalam mencari nafkah saraan keluarga. Masyarakat Malaysia dikatakan senang bergaul dengan sesiapa sahaja tanpa mengira kaum, darjat, pangkat dan keturunan sebagaimana masyarakat di Indonesia.

Perbezaan yang didapati pula ialah dari segi pendapatan, pekerjaan dan cara mendapatkan makanan yang menurut mereka lebih mudah dicari dan didapati di negara ini. Mereka menyatakan di negara mereka amat sukar mencari pekerjaan, apatah lagi untuk mendapat gaji yang lumayan. Ramai dari pembantu rumah ini pernah bekerja sebagai petani semasa di Indonesia. Kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air,

elektrik, makanan dan pengangkutan juga boleh dikatakan senang diperolehi berbanding dengan negara asal mereka. Di Indonesia, pendapatan yang mereka terima adalah sedikit, apatah lagi bagi responden yang pernah bekerja sebagai petani. Mereka menegaskan, di tempat mereka sukar memperoleh makanan terutamanya makanan asas, sayur-sayuran dan daging dengan banyak.

Responden yang menjelaskan bahawa terdapat persamaan dan perbezaan, mendapati persamaan ialah dari segi pergaulan, pekerjaan dan cara hidup. Menurut mereka, kedua-dua negara membekalkan pekerjaan yang setimpal dengan kelulusan mereka. Masyarakat Melayu umumnya mudah bergaul dengan sesiapa sahaja begitu juga dengan cara hidup yang diamalkan, lebih kurang sama dengan di Indonesia.

Perbezaannya pula ialah dari segi adat, pendapatan dan agama. Mereka berpendapat masyarakat Melayu di sini masih berpegang kuat pada adat misalnya dalam upacara perkahwinan. Pendapatan yang mereka terima di negara ini juga jauh lebih tinggi dari di negara asal. Menurut mereka lagi, agama Islam kurang ditekankan di Indonesia. Ini berlaku misalnya dalam perkahwinan campur di mana salah seorang dari pasangan yang bukan Islam tidak perlu menukar agamanya untuk berkahwin sedangkan di Malaysia ia menjadi satu kesalahan yang besar di sisi agama Islam.

5.2 Implikasi dari kehadiran pembantu rumah Indonesia.

Pembantu-pembantu rumah ini telah berjaya mencapai matlamat mereka ketika datang dan bekerja di negara ini. Terdapat di kalangan mereka yang merasa selesa berada di negara ini dan mahu terus menetap di Malaysia. Namun begitu kehadiran mereka boleh menimbulkan pelbagai implikasi dari segi politik, ekonomi dan sosial yang akan dibincangkan selanjutnya.

a. Implikasi dari segi politik.

Darul Amin Manaf, dalam kajiannya telah mengulas bahawa kedatangan penghijrah Indonesia sebenarnya adalah polisi kerajaan untuk mengekalkan kuasa orang-orang Melayu. Parti DAP dikatakan amat kuat menentang kehadiran pekerja Indonesia kerana menurut mereka, pendatang Indonesia yang diberi kad pengenalan biru membolehkan mereka mengundi dalam pilihanraya. Ini akan menguntungkan orang-orang Melayu terutamanya dari Parti UMNO (Darul Amin Manaf, 1989:106). Hal ini amat ditakuti kerana terdapat beberapa orang dari pembantu rumah ini yang telah berkahwin dengan warga negara Malaysia dan anak-anak pembantu rumah ini secara automatik menjadi warga negara Malaysia.

b. Implikasi dari segi ekonomi.

Kedatangan pembantu rumah ini boleh mendatangkan implikasi negatif dan positif kepada perkembangan ekonomi Malaysia. Dari segi positif, kedatangan mereka telah menyelesaikan masalah kekurangan tenaga kerja. Upah yang diberikan kepada mereka juga jauh lebih rendah berbanding dengan pembantu rumah tempatan dan ini menguntungkan para majikan.

Walau bagaimanapun, kehadiran mereka telah merampas peluang kerja rakyat tempatan. Oleh kerana mereka tidak begitu mempersoalkan tentang gaji yang diterima, para majikan lebih suka mengambil mereka bekerja. Rakyat tempatan pula terlalu mengambil kira tentang pendapatan mereka. Selain dari itu, wang kiriman pembantu rumah ke kampung mereka menyebabkan ringgit Malaysia mengalir dengan banyak ke negara Indonesia. Keadaan ini merugikan kerajaan kerana menambah tukaran wang asing.

Terdapat juga pembantu rumah yang terlibat dalam sektor informal seperti berniaga kecil-kecilan iaitu menjual makanan ringan dan buah - buahan serta mengambil upah mengurut. Hal ini turut menjejaskan pekerjaan rakyat tempatan terutamanya golongan miskin. Kerajaan juga terpaksa membelanjakan wang yang banyak dalam operasi menangkap pendatang tanpa izin Indonesia. Ini terbukti

apabila kerajaan membelanjakan wang berjuta-juta ringgit untuk menampung perbelanjaan mereka di penjara dan menghantar mereka pulang.

c. Implikasi dari segi sosial.

Kegiatan jenayah sering dikaitkan dengan pendatang Indonesia. Kejadian-kejadian seperti mencuri, melarikan atau mencolek anak majikan seringkali dikaitkan dengan pembantu rumah Indonesia. Selain dari itu, kedatangan mereka juga dikaitkan dengan isu pemalsuan kad pengenalan. Mereka yang ingin tinggal dan bekerja di negara ini merasa bimbang akan ditangkap oleh pihak polis kerana masuk secara haram. Oleh kerana proses mendapatkan kad pengenalan adalah lama, maka mereka mengambil jalan singkat dengan memalsukannya.

Pembantu rumah ini boleh mendapatkan kad pengenalan merah palsu dengan memberi sekeping gambar dan wang sebanyak \$30.00. Baki sebanyak \$30.00 lagi dibayar selepas kad pengenalan tersebut siap dalam masa seminggu. Kad tersebut tidak mempunyai tandatangan dan cop Pegawai Pendaftaran (Harian Metro, 12.11.1991).

Terdapat juga pembantu rumah yang dipaksa menjadi pelacur oleh agen atau agensi yang membawa mereka masuk ke

Malaysia. Salah satu agensi yang terlibat ialah Syarikat Forluck Sdn. Bhd. yang telah diwajibkan membayar \$100,000 oleh pihak Kementerian Dalam Negeri. Orang perseorangan yang ingin membawa mereka masuk pula dikenakan bayaran sebanyak \$5,000 (Seri Dewi, 20.12.1986).

Menurut Ketua Assosiasi Tenaga Kerja Migran Indonesia, En. B. Jacob Tumbo, gadis Indonesia yang ingin dijadikan pelacur atau pembantu rumah secara paksa, dijual dengan harga di antara \$1000 - \$2000 kepada agen. Agen pula kan mengenakan bayaran sehingga \$3000 kepada majikan baru. Gaji yang diterima oleh gadis-gadis Indonesia ini akan diambil oleh sindiket untuk mendapatkan pulangan balik yang diabyar kepada agen (Harian Metro, 22.10.1991).

Kajian Azizah Kassim, Darul Amin dan Ayob Tamrin mendapati bahawa kedatangan mereka juga menggalakkan lagi pertumbuhan kawasan setingan. Kajian ini mendapati ramai dari responden mendiami kawasan setingan di Kg. Sg. Kayu Ara, Damansara, Kuala Lumpur.

5.4 Komen dan cadangan.

Persoalannya kini apakah pembantu rumah Indonesia ini akan terus kekal atau hilang dari bidang pekerjaan tersebut di masa akan datang. Kerajaan Malaysia telah mengemukakan polisi buruh luar atau kawalan ke atas kemasukan pekerja

asing dengan mengeluarkan permit kerja kepada mereka (lihat Lampiran 4). Polisi ini akan menggalakkan lagi kemasukan pembantu rumah Indonesia di Malaysia kerana tiada apa-apa tindakan dikenakan. Mereka yang datang tanpa surat perjalanan dan pasport dibenarkan masuk dengan mengisi borang laporan kedatangan, dua keping gambar dan akuan sumpah bahawa mereka tidak mempunyai rekod jenayah (Utusan Malaysia, 20.9.1991).

Pendatang tanpa izin yang tidak mempunyai sebarang dokumen perjalanan boleh didakwa di bawah Seksyen 6 (1) (C) dan Seksyen 6 (3), Akta Imigresen 1959/63. Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak lebih \$10,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Pada akhir bulan Oktober 1991, kerajaan mengeluarkan kenyataan supaya majikan kepada pembantu rumah yang datang tanpa izin menyerahkan pembantu rumah mereka kepada Jabatan Imigresen sehingga 31 Disember 1991 untuk dihantar pulang. Majikan sama ada beragama Islam atau tidak, mesti menyediakan kos untuk penghantaran pulang pembantu rumahnya sebanyak \$200. Dua pusat tahanan sementara iaitu di Sg. Ruan, Raub dan bekas Kem Polis di Karak, Pahang digunakan untuk menempatkan pembantu rumah sebelum dihantar pulang (New Straits Times, 28.10.1991).

Pada mulanya kerajaan ingin menghantar mereka pulang

dahulu dan mendapatkan dokumen perjalanan yang sah di Pulau Batam (ibid). Selepas itu barulah majikan boleh mengambil mereka semula. Cadangan ini menimbulkan kebimbangan di kalangan pembantu rumah dan majikan kerana ramai di kalangan mereka yang masuk secara haram.

Pada 10 November 1991, kerajaan Malaysia telah memutuskan bahawa semua pembantu rumah asing tanpa izin termasuk dari Indonesia mendaftar di Jabatan Imigresen. Pendaftaran ini berkuatkuasa dari 1 Januari 1992 sehingga 30 Jun 1992 untuk tujuan pengesahan dan pertimbangan pas kerja. Dengan itu para pembantu rumah asing ini tidak perlu pulang ke negara asal mereka dan dibenarkan untuk terus bekerja. Syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen ialah pembantu rumah mesti mempunyai dokumen perjalanan yang sah dan surat sokongan majikan. Bayaran bagi urusan pengesahan tersebut ialah sebanyak \$50.00 dan bagi borang tersebut ialah \$2.00 (Utusan Malaysia, 11.11.1991).

Kebenaran yang telah diberikan oleh pihak kerajaan ini melegakan perasaan majikan dan pembantu rumah. Mereka hanya perlu mengeluarkan sedikit wang untuk pendaftaran itu sahaja dan boleh terus bekerja tanpa merasa bimbang lagi.

Pembantu rumah juga mungkin dibenarkan bekerja dengan majikan bukan Islam dengan syarat majikannya tidak memakan daging babi dan menyediakan tempat untuk pembantu rumah


beribadat (Utusan Malaysia, 28.10.1991). Mereka juga tidak dibenarkan bertukar majikan, jika tidak permit mereka akan ditarik balik dan mereka akan dihantar pulang (Harian Metro, 19.10.1991).

Tindakan kerajaan mendaftarkan mereka memanglah baik kerana secara tidak langsung mereka dapat terus bekerja di sini untuk menyara keluarga mereka. Pembantu rumah dan para majikan tidak lagi merasa takut dan bimbang akan dikenakan tindakan undang-undang. Cadangan awal untuk menghantar mereka pulang bagi mendapatkan dokumen perjalanan tidak dilaksanakan kerana urusan penghantaran itu akan memakan masa yang lama dan wang yang banyak.

Walau bagaimanapun, kerajaan harus memikirkan implikasi dari kehadiran mereka. Kebenaran yang diberikan oleh kerajaan akan menggalakkan lagi kemasukan pendatang Indonesia. Akibat dari itu, akan menambahkan lagi pengaliran wang keluar oleh mereka ke negara asal, menambahkan kawasan setingan serta menyebabkan beberapa kegiatan jenayah yang dilakukan oleh mereka. Kedatangan mereka walaupun mengisi kekosongan pekerjaan sebagai pembantu rumah, secara tidak langsung akan merampas peluang kerja rakyat tempatan apabila mereka melibatkan diri dalam perniagaan kecil-kecilan.



GAMBAR 1 : Seorang pembantu rumah Indonesia yang bekerja separuh masa; sedang menjaga kedai runcit di rumah majikannya.



GAMBAR 1 : Seorang pembantu rumah Indonesia yang bekerja separuh masa; sedang menjaga kedai runcit di rumah majikannya.



GAMBAR 2 : Rumah seorang pembantu rumah Indonesia di Kg. Sg. Kayu Ara, Petaling Jaya, Selangor.



GAMBAR 3 : Rumah majikan di sebuah kawasan taman perumahan di Ampang, Kuala Lumpur.



GAMBAR 4: Rumah majikan di Taman Setiawangsa, Kuala Lumpur.



GAMBAR 5: Rumah responden di Kg. Sg. Kayu Ara, Petaling Jaya, Selangor. Kelihatan sebuah kedai runcit tempat responden berniaga di masa lapang.

PM timbang rayuan majlis penasihat 3 agama

KUALA LUMPUR 31 Okt.

— Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad akan menimbang rayuan Majlis Penasihat Agama Buddha, Kristian dan Sikh berhubung peraturan yang tidak membenarkan pembantu rumah Indonesia beragama Islam bekerja di rumah bukan Islam.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Megat Junid Megat Ayub berkata, perkara tersebut walaupun dimaklumkan kepada Perdana Menteri dan akan dibincangkan secara terperinci dalam mesyuarat jawatankuasa khas kabinet mengenai buruh asing Rabu depan.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita di bangunan Parlimen di sini hari ini sewaktu diminta mengulas laporan akhbar hari ini berhubung 'rasa kurang senang' majlis penasihat agama berkenaan terhadap peraturan yang tidak membenarkan pembantu rumah Indonesia beragama Islam bekerja dengan bukan Islam.

Pembantu rumah: Kedutaan Indonesia sambut baik langkah Imigresen

KUALA LUMPUR 31 Okt. — Kedutaan Indonesia menyifatkan pengumuman Jabatan Imigresen bahawa para majikan tidak perlu menyerahkan pembantu rumah asing tanpa izin kepada jabatan itu sebagai perkembangan positif.

Ketua Bahagian Penerangan Kedutaan Indonesia di sini, Encik Bambang S. Aggondo berkata, langkah tersebut boleh mengeratkan lagi hubungan persaudaraan antara kedua-dua negara.

Beliau berkata, perkembangan tersebut melegakan pihaknya yang selama ini mengambil berat mengenai nasib pendatang tanpa izin yang bekerja tanpa permit di negara ini.

"Kami berasa lega dengan keputusan Jabatan Imigresen kerana ia menjamin rakyat kami tidak akan diburu oleh pihak berkuasa negara ini dan mereka boleh bekerja dengan selesa," kata beliau ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan *Utusan* hari ini mengenai kenyataan Ketua Pengarah Jabatan Imigresen, Dato' Syed Danial Syed Ahmad bahawa majikan yang mempunyai pembantu rumah asing tanpa izin tidak perlu menyerahkannya kepada jabatan berkenaan.

Tambah beliau, apa yang perlu dilakukan ialah majikan mesti mendaftarkan pembantu rumah mereka melalui borang pendaftaran khas yang disediakan di jabatan itu mulai esok dan boleh terus bekerja sehingga Jabatan Imigresen mengeluarkan arahan lanjut mengenainya.

Sehubungan dengan itu, Encik Bambang berkata, pihaknya akan mematuhi sebarang arahan ataupun undang-undang yang diputuskan oleh negara ini mengenai isu pembantu rumah tanpa izin demi kebaikan kedua-dua pihak.

"Segala keputusan untuk menyelesaikan isu pembantu rumah tanpa izin adalah terletak di tangan pemerintah negara ini dan kami bersedia menitis jalan untuk membantu menyelesaikan masalah ini," ujarnya.

Menurut beliau, Kedutaan Indonesia di sini mempunyai konsul khas untuk mendaftarkan semula pembantu rumah tanpa izin yang bekerja di Malaysia tanpa permit.

Baru-baru ini, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Megat Junid Megat Ayub berkata, pembantu rumah asing tanpa izin diberi sehingga 31 Disember ini untuk menyerah diri kepada Jabatan Imigresen bagi dihantar pulang ke negara masing-masing.

Beliau berkata, pembantu rumah asing tanpa izin itu perlu menyerah diri sebelum pihak berkuasa melancarkan gerakan besar-besaran bagi mengesan dan menangkap mereka untuk dihantar pulang.

Berkutan pengumuman itu, Jabatan Imigresen diuji beratus-ratus panggilan telefon daripada orang ramai yang ingin tahu prosedur sebenar untuk menyerahkan kembali pembantu rumah tanpa izin.

Megat Junid: We'll stick to deadline

NST
25/10/91

IPOH, Sun. — The Government will stick to its Dec 31 deadline for employers to surrender their illegal Indonesian maids to the Immigration Department for repatriation.

Deputy Home Minister Datuk Megat Junid Megat Ayub said today the Ministry could not consider the appeal by employers to "legalise" their maids instead of surrendering them to the department and to give them a grace period to do so.

Speaking to reporters after opening a Pemadam anti-dadah dialogue held at City Hall here today, he said the Government had decided these maids should be deported because of security reasons.

"The maids can then be brought back legally after the Government has checked their background. This move is also for the sake of the employers."

Datuk Megat Junid called on employers to contact the nearest Immigration Department to surrender their illegal maids.

The illegal maids would be sent to two special depots in Sungai Ruan, Raub, and at the former police camp in Karak.

The employers, whether they be Muslims or non-Muslims, will have to bear

all the expenses incurred by the Immigration Department in detaining the maids before their deportation.

He estimated this would cost \$200 each, inclusive of food and travel fare.

The Deputy Minister also reiterated his warning that the department will act against employers found harbouring illegal maids after the Dec 31 deadline.

About 5,000 Indonesian maids are believed to be working illegally in the country.

There are also about 2,000 Indonesians and 5,000 Filipinas registered to work as maids.

Datuk Megat Junid said there were six employment agencies in Malaysia and 15 in the Philippines recruiting such maids. He also said the quota for each agency recruiting Filipina maids had been increased from 30 to 50 each month.

"The department is also prepared to consider applications case-by-case for non-Muslim employers to engage Indonesian maids."

Datuk Megat Junid said the Immigration Department would crack down on those employers engaging illegal workers in the plantation and construction sectors next after all the illegal maids had been identified.

PEMBANTU RUMAH DIKEHENDAKI. Tinggal bersama, Gaji \$250. Hubungi 03-4567900.

PEMBANTU RUMAH DIPERLUKAN segera mengikut bertugas di England. Gaji \$500 sebulan. Berkelulusan tingkatan 3 keatas. Hubung 2935177 Nora.

PEMBANTU RUMAH DIKEHENDAKI bekerja dari 8 pagi hingga 6 petang di Persiaran Duta. Boleh bertutur Bahasa Inggeris. Sila hubungi 2935177 Nora.

PEMBANTU RUMAH DIKEHENDAKI segera. Gaji boleh dirunding. Hubungi Zaleha tel: 03-6565396.

PEMBANTU RUMAH DIPERLUKAN segera. Gaji \$250. Tulis kepada Halimah No 13, Jalan Serindit 6-1G 40000 Shah Alam.

PEMBANTU RUMAH MELAYU diperlukan. 2 anak. Sila tulis surat atau hubungi Pn. Zalfah, No. 8, Jln. 17G, Bandar Baru Bangi, 43000, Selangor. Tel: 03-8250546 (selepas 9 malam).

By Robert Goh

KUALA LUMPUR, Sun. — The Government wants illegal Indonesian workers in the country to leave and apply to return from Batam when they have valid travel documents. Deputy Prime Minister Ghafar Baba said today.

Referring to an earlier arrangement, he said these illegal workers were supposed to return to Dumai, Sumatra (opposite Malacca across the straits) to get their valid travel documents but that was considered too far.

have them chopped by our Immigration authorities."

Encik Ghafar, who also chairs the Cabinet Committee on Employment of Foreign Workers, said it would meet next week to consider a deadline for them to do so.

He was replying to questions from reporters about illegal immigrants after opening the Federal Territory Umno convention as party deputy president.

On Friday, Deputy Home Minister Datuk Megat Junid Megat Ayub announced that employers of illegal Indonesian maids and restaurant workers had two

tors to leave the country and then apply to return once they had valid travel documents.

Most of the illegal workers in the country are believed to be from Indonesia, and in 1984 the two countries reached agreement on ways to deal with them.

Serious efforts towards implementing this began last April with an amnesty initiated by the Sabah Government for illegal workers to return home first to obtain proper permits before they were allowed to enter the State legally.

Under this amnesty pro-

immigrants were contributing to the squatter problem in the capital.

He said all big cities in the world had squatters, traffic and other problems, but thanks to the foresight of then Prime Minister Tun Abdul Razak, such problems in the capital were mitigated by the establishment of satellite towns.

In Jakarta, Bernama reports that the Immigrant Department said today it had empowered two more of its district offices to handle the "legalisation process" of Indonesian illegal workers

IPOH, Sun. — The Government will stick to its Dec 31 deadline for employers to surrender their illegal Indonesian maids to the Immigration Department for repatriation.

Deputy Home Minister Datuk Megat Junid Megat Ayub said today the Ministry could not consider the appeal by employers to "legalise" their maids instead of surrendering them to the department and to give them a grace period to do so.

Speaking to reporters after opening a Pemadam anti-dadah dialogue held at City Hall here today, he said the Government had decided these maids should be deported because of security reasons.

"The maids can then be brought back legally after the Government has checked their background. This move is also for the sake of the employers."

Datuk Megat Junid called on employers to contact the nearest Immigration Department to surrender their illegal maids.

The illegal maids would be sent to two special depots in Sungai Ruan, Raub, and at the former police camp in Karak.

The employers, whether they be Muslims or non-Muslims, will have to bear

all the expenses incurred by the Immigration Department in detaining the maids before their deportation.

He estimated this would cost \$200 each, inclusive of food and travel fare.

The Deputy Minister also reiterated his warning that the department will act against employers found harbouring illegal maids after the Dec 31 deadline.

About 5,000 Indonesian maids are believed to be working illegally in the country.

There are also about 2,000 Indonesians and 5,000 Filipinas registered to work as maids.

Datuk Megat Junid said there were six employment agencies in Malaysia and 15 in the Philippines recruiting such maids. He also said the quota for each agency recruiting Filipina maids had been increased from 30 to 50 each month.

"The department is also prepared to consider applications case-by-case for non-Muslim employers to engage Indonesian maids."

Datuk Megat Junid said the Immigration Department would crack down on those employers engaging illegal workers in the plantation and construction sectors next after all the illegal maids had been identified.

By Robert Goh

KUALA LUMPUR, Sun. — The Government wants illegal Indonesian workers in the country to leave and apply to return from Batam when they have valid travel documents, Deputy Prime Minister Ghafar Baba said today.

Referring to an earlier arrangement, he said these illegal workers were supposed to return to Dumai, Sumatra (opposite Malacca across the straits) to get their valid travel documents but that was considered too far.

"Now we are proposing they go to Batam for this purpose. We want to ensure our laws are followed, or there will be disorder."

"These foreigners must return to obtain valid documents and come back to

have them chopped by our Immigration authorities."

Encik Ghafar, who also chairs the Cabinet Committee on Employment of Foreign Workers, said it would meet next week to consider a deadline for them to do so.

He was replying to questions from reporters about illegal immigrants after opening the Federal Territory Umno convention as party deputy president.

On Friday, Deputy Home Minister Datuk Megat Junid Megat Ayub announced that employers of illegal Indonesian maids and restaurant workers had two months to surrender them to the authorities or face a fine of up to \$10,000 or two months' jail.

Asked to elaborate on this, Encik Ghafar said the Government wanted illegal foreign workers in all sec-

tors to leave the country and then apply to return once they had valid travel documents.

Most of the illegal workers in the country are believed to be from Indonesia, and in 1984 the two countries reached agreement on ways to deal with them.

Serious efforts towards implementing this began last April with an amnesty initiated by the Sabah Government for illegal workers to return home first to obtain proper permits before they were allowed to enter the State legally.

Under this amnesty programme for illegal Indonesian and Philippines workers which ended last August, 65,000 such workers were registered.

Earlier, when opening the convention, the Deputy Prime Minister said illegal

PEMBANTU RUMAH DIKEHENDAKI. Tinggal bersama, Gaji \$250. Hubungi 03-4567960.

PEMBANTU RUMAH DIPERLUKAN segera mengikut bertugas di England. Gaji \$500 sebulan. Berkelulusan tingkatan 3 keatas. Hubungi 2935177 Nora.

PEMBANTU RUMAH DIKEHENDAKI bekerja dari 8 pagi hingga 6 petang di Persiaran Duta. Boleh bertutur Bahasa Inggeris. Sila hubungi: 2935177 Nora.

PEMBANTU RUMAH DIKEHENDAKI segera. Gaji boleh dirunding. Hubungi Zaleha tel: 03-6565396.

PEMBANTU RUMAH DIPERLUKAN segera. Gaji \$250. Tulis kepada Halimah No 13, Jalan Serindit 6 1G 40000 Shah Alam

PEMBANTU RUMAH MELAYU diperlukan. 2 anak. Sila tulis surat atau hubungi Pn. Zaltah No 8, Jln. 1 7G, Bandar Baru Bangi, 43000, Selangor Tel: 03-8250546 (selepas 9 malam).

immigrants were contributing to the squatter problem in the capital.

He said all big cities in the world had squatters, traffic and other problems, but thanks to the foresight of then Prime Minister Tun Abdul Razak, such problems in the capital were mitigated by the establishment of satellite towns.

In Jakarta, Bernama reports that the Immigrant Department said today it had empowered two more of its district offices to handle the "legalisation process" of Indonesian illegal workers sent home from Malaysia.

The "new" offices are in Batam near Singapore and Tanjung Balai Karimun in the central Sumatran province of Riau while the existing centre is in Dumai, also in Riau.

Utusan Malaysia, Rabu 13 November, 1991

DALAM NEGERI

Pembantu rumah asing alu-zkan kenyataan Ghafar

KUALA LUMPUR 12 Nov. — Para pembantu rumah asing tanpa izin mengalu-alukan langkah Kerajaan Malaysia membenarkan mereka yang tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah mendapatkan daripada kedua-dua masing-masing.

Mereka menyatakan tindakan kerajaan itu secara langsung menunjukkan kerajaan tidak menaruh "penakut" dan membolehkan rakyat asing mencari rezeki di negara ini.

Seorang pembantu rumah rakyat Indonesia, Cik Suraini Yar,

17, berkata, beliau merasa lega setelah mengetahui kerajaan tidak mengambil tindakan menghalang mereka pulang sebaliknya hanya perlu mendapatkan dokumen perjalanan yang sah atau pasport dan pada kedua-dua.

"Pengumuman ini melegakan perasaan saya. Sebelum ini saya tidak tahu bagaimana caranya untuk bekerja secara halal di negara ini."

"Saya juga bimbang untuk keluar rumah takut ditangkap oleh pihak berkuasa," katanya ketika ditemui sewaktu mendaftar di pejabat imigresen di sini, hari ini.

Beliau menyatakan demikian sebagai mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba semalam yang meminta pekerja asing tanpa izin yang tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah atau pasport perlu mendapatkannya daripada kedua-dua masing-masing.

Encik Ghafar berkata, mereka perlu mendapatkan semua dokumen yang diperlukan sebelum akhir tahun ini kerana mulai 1 Januari tahun depan gerakan mendaftar secara besar-besaran akan dimulakan.

Seorang lagi, **Sri Ningsih Kawat**, 21, berkata, dia merasa gembira kerana masih terus dibenarkan bekerja di negara ini oleh kerajaan.

"Tindakan Kerajaan Malaysia itu menunjukkan mereka memahami masalah rakyat asing seperti kami yang sukar untuk mendapatkan pekerjaan di negara asal masing-masing."

"Langkah kerajaan yang mahukan kami mempunyai dokumen perjalanan atau pasport itu adalah wajar dan lebih memudahkan pergerakan kami," katanya yang telah lima bulan bekerja di Ampang, Tasik dekat sini.



SEORANG pembantu rumah (kini) sedang, i pembantu rumah asing di Jabatan Imigresen, Ki

"Sebab itu saya tidak keberatan membawa pembantu rumah mendapatkan dokumen yang diperlukan itu serta merta mendatarkanya," kata **Puan Zainon Haji Dahnan** yang mempunyai pembantu rumah rakyat Indonesia.

Puan Zainon, 43, dan Htulu Klang, Selangor berkata, beliau tidak ragu-ragu lagi untuk meneruskan perkhidmatan pembantu rumah kerana ia telah memudahkan urusan rumah setelah pendaftaran itu dibuat.

Peniaga **Encik Baharudin Yahya**, 56, berkata, langkah kerajaan itu mengurangkan 'beban' untuk mencari pembantu rumah.

"Dengan adanya kelonggaran ini, saya akan dapat meneruskan perkhidmatan pembantu rumah saya. Kalau tidak, tentu sukar untuk saya mencari pembantu rumah yang lain," kata Encik Baharudin.

Seorang lagi majikan, **Encik Ahmad Haron**, 35, berkata, beliau tidak keberatan memenuhi arahan dari kerajaan supaya mendaftar

kat. Be. telah dite mengajika

DALAM NEGERI

Pembantu rumah asing alu-zkan kenyataan Ghafar

KUALA LUMPUR 12 Nov. — Para pembantu rumah asing tanpa izin mengalu-alikan langkah Kerajaan Malaysia membenarkan mereka yang tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah mendapatkan daripada kedutaan masing-masing.

Mereka menyatakan tindakan kerajaan itu secara langsung menunjukkan kerajaan tidak menutup "peruk nasi" dan membenarkan rakyat asing mencari rezeki di negara ini.

Seorang pembantu rumah rakyat Indonesia, Cik Suraini Yar,

17, berkata, beliau merasa lega setelah mengetahui kerajaan tidak mengambil tindakan menghantar mereka pulang sebaliknya hanya perlu mendapatkan dokumen perjalanan yang sah atau pasport daripada kedutaan.

"Pengumuman ini melegakan perasaan saya. Sebelum ini saya tidak tahu bagaimana caranya untuk bekerja secara halal di negara ini."

"Saya juga bimbang untuk keluar rumah takut ditangkap oleh pihak berkuasa," katanya ketika ditemui sewaktu mendaftar di pejabat imigresen di sini, hari ini.

Beliau menyatakan demikian sebagai mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba semalam yang meminta pekerja asing tanpa izin yang tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah atau pasport perlu mendapatkannya daripada kedutaan masing-masing.

Encik Ghafar berkata, mereka perlu mendapatkan semua dokumen yang diperlukan sebelum akhir tahun ini kerana mulai 1 Januari tahun depan gerakan mendaftar secara besar-besaran akan dimulakan.

Seorang lagi, **Sri Ningali Kawat**, 21, berkata, dia merasa gembira kerana masih terus dibenarkan bekerja di negara ini oleh kerajaan.

"Tindakan Kerajaan Malaysia itu menunjukkan mereka memahami masalah rakyat asing seperti kami yang sukar untuk mendapatkan pekerjaan di negara asal masing-masing."

"Langkah kerajaan yang mahukan kami mempunyai dokumen perjalanan atau pasport itu adalah wajar dan lebih memudahkan pergerakan kami," katanya yang telah lima bulan bekerja di Ampang Tasik dekat sini.



SEORANG pembantu rumah (kini) sedang memelihara pembantu rumah asing di Jabatan Imigresen, Kuala Lumpur

"Sebab itu saya tidak keberatan membawa pembantu rumah mendapatkan dokumen yang dikehendaki itu serta mendaftarkannya," kata **Puan Zainon Haji Dahnan** yang mempunyai pembantu rumah rakyat Indonesia.

Puan Zainon, 43, dari Hulu Klang, Selangor berkata, beliau kini tidak ragu-ragu lagi untuk memenskan perkhidmatan pembantu rumahnya setelah pendaftaran itu dibuat.

Penaaga **Encik Bahardin Yahya**, 56, berkata, langkah kerajaan itu mengurangkan 'beban' untuk mencari pembantu rumah.

"Dengan adanya kelonggaran ini, saya akan dapat memenskan perkhidmatan pembantu rumah saya. Kalau tidak, tentu sukar untuk saya mencari pembantu rumah yang lain," kata Encik Bahardin.

Seorang lagi majikan, **Encik Ahmad Haron**, 35, berkata, beliau tidak keberatan memenuhi arahan dari kerajaan supaya mendaftar

pembantu rumah yang sah. Beliau berkata, beliau akan mendaftar pembantu rumahnya yang sah. Beliau berkata, beliau akan mendaftar pembantu rumahnya yang sah. Beliau berkata, beliau akan mendaftar pembantu rumahnya yang sah.

rumah zkan n Ghafar

17, berkata, beliau merasa lega setelah mengetahui kerajaan tidak mengambil tindakan menghantar mereka pulang sebaliknya hanya perlu mendapatkan dokumen penahanan yang sah atau pasport dan pada kemudian.

"Pengumuman ini melegakan perasaan saya. Sebelum ini saya tidak tahu bagaimana caranya untuk bekerja secara halal di negara ini."

"Saya juga bimbang untuk keluar rumah takut ditangkap oleh pihak berkuasa," katanya ketika ditemu semu sewaktu mendaftar di pejabat imigresen di sini, hari ini.

Beliau menyuarakan demikan sebagai mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba semalam yang memutar pekerja asing tanpa izin yang tidak mempunyai dokumen penahanan yang sah atau pasport perlu mendapatkannya daripada kedua-dua masing-masing.

Encik Ghafar berkata, mereka perlu mendapatkan semua dokumen yang diperlukan sebelum akhir tahun ini kerana mulai 1 Januari tahun depan gerakan mendaftar secara besar-besaran akan dimulakan.

Seorang lagi, **Sn Ninggit Kawat**, 21, berkata, dia merasa gembira kerana masih terus dibenarkan bekerja di negara ini oleh kerajaan.

"Tindakan Kerajaan Malaysia itu menunjukkan mereka memahaminya masalah rakyat asing seperti kami yang sukar untuk mendapatkan pekerjaan di negara asal masing-masing."

"Langkah kerajaan yang mahukan kami mempunyai dokumen penahanan atau pasport itu adalah wajar dan lebih memudahkan pergerakan kami," katanya yang telah lima bulan bekerja di Ampang Lask dekat sini.



SEORANG pembantu rumah (kiri) sedang memindahkan majikannya mengisi borang pendaftaran pembantu rumah asing di Jabatan Imigresen, Kuala Lumpur semalam.

"Sebab itu saya tidak keberatan membawa pembantu rumah mendapatkan dokumen yang dikehendaki itu serta merta mendaftarkannya," kata **Puan Zainon Haji Dahnan** yang mempunyai pembantu rumah rakyat Indonesia.

Puan Zainon, 43, dari Hulu Klang, Selangor berkata, beliau kini tidak ragu-ragu lagi untuk menuskan perkhidmatan pembantu rumahnya setelah pendaftaran itu dibuat.

Peniaga **Encik Baharudin Yahya**, 56, berkata, langkah kerajaan itu mengurangkan bebannya untuk mencari pembantu rumah.

"Dengan adanya kelonggaran ini, saya akan dapat menersikan perkhidmatan pembantu rumah saya. Kalau tidak, tentu sukar untuk saya mencari pembantu rumah yang lain," kata Encik Baharudin.

Seorang lagi majikan, **Encik Ahmad Haron**, 35, berkata, beliau tidak keberatan memenuhi arahan dari kerajaan supaya mendaftar

pembantu rumah asing.

"Saya mengalu-alukan arahan kerajaan itu kerana untuk kebaikan bersama, lagipun bukan mudah untuk mencari pembantu rumah masa ini," tambahnya yang mempunyai dua pembantu rumah rakyat Indonesia untuk menjaga lima anaknya.

Seorang pesara tentera, **Encik Osman Harun**, 73, turut melahirkan perasaan lega dengan syarat yang ditetapkan oleh pihak kerajaan terhadap pekerjanya asing.

"Tindakan itu adalah adil dan munasabah serta mengurangkan beban rakyat yang menghadapi masalah mencari pembantu rumah," kata Encik Osman, dari Taman Keramat di sini.

Beliau juga tidak keberatan menaati peraturan dan syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Imigresen terhadap para majikan yang menggajikan pembantu rumah asing.